

Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

PELANCARAN PERSATUAN PENTADBIR



SAUDARA merupakan wadah penghubung di antara sesama Ahli Persatuan Pentadbir ITM khasnya, dan di antara ahli dengan seluruh masyarakat ITM amnya. Makalah ini akan diterbitkan setiap 3 bulan sekali.



Dr. Syed Abd Kader Aljunid, yang mewakili Pengarah ITM, di dalam ucapan pelancarannya telah mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai kumpulan A dan B (bukan Akademik) khususnya kepada jawatankuasa pro tem kerana berjaya menubuhkan persatuan pentadbir.

Rujukan:

(1990). SAUDARA. Institut Teknologi MARA.

Persatuan Pentadbir Institut Teknologi MARA telah dilancarkan dengan rasminya pada 9 Jun 1990 bertempat di Auditorium 11 PSPP. Detik itu mencatat sejarah yang penuh makna kepada 703 orang pegawai tadbir pelbagai peringkat dari kumpulan A dan B dari kampus-kampus cawangan ITM selepas lebih 34 tahun ditubuhkan.

Tujuan penubuhan persatuan tersebut adalah :-

- Menyatukan dan mewujudkan perpaduan, persefahaman dan perhubungan baik dalam kalangan pentadbir di ITM.
- Mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa mengenai perkara-perkara dan masalah-masalah semasa di ITM serta berusaha menyelesaikannya melalui perundingan.
- Untuk melahirkan pentadbir-pentadbir yang serba boleh serta berpengetahuan luas melalui pengedaran maklumat dan latihan kepada ahli-ahli.
- Mewujudkan perhubungan baik dan bertukar pandangan dan pengetahuan dengan Persatuan-persatuan Pentadbir Universiti-universiti Tempatan melalui aktiviti sosial.

BIL. 128/JULAI 2023